

Penggunaan Inovasi D.O.M (Dissolution Of Marriage) Smart Cycle Dalam Meningkatkan Kefahaman Modul Pendidikan Islam 2 Sijil Kolej Komuniti

Norhana Ahad
norhana_ahad@polimelaka.edu.my
Politeknik Melaka

Mohammad Fahmi Abdul Hamid
fahmihamid@uitm.edu.my
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Khairul Azhar Meerangani
azharmeerangani@uitm.edu.my
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Amran Abdul Halim
amranabdulhalim@usim.edu.my
Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Modul Pendidikan Islam 2 (MPU 1331) merupakan subjek wajib bagi pelajar Kolej Komuniti Malaysia. Kandungan modul ini memfokuskan tentang aspek munakahat dalam Islam iaitu dari urusan awal pernikahan sehingga pembubaran perkahwinan. Topik pembubaran perkahwinan ini menunjukkan tahap penguasaan dan kefahaman yang berbeza kalangan pelajar. Ini kerana perbincangan di bahagian ini yang sarat dengan fakta khusus telah menyebabkan kurangnya penguasaan dan kefahaman di kalangan pelajar. Impaknya dapat dilihat pada peratusan yang rendah bagi hasil pembelajaran kursus (CLO) topik ini sekaligus menunjukkan kelemahan pelajar menguasai topik tersebut. Justeru, tujuan utama kajian ini untuk melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan inovasi *D.O.M (Dissolution Of Marriage) SMART*

CYCLE yang direka khusus sebagai alternatif alat bantu mengajar dalam membantu peningkatan kefahaman modul Pendidikan Islam 2. Menggunakan pendekatan kuantitatif, melalui edaran soal selidik kepada 75 orang pelajar yang mengambil modul Pendidikan Islam 2 di Kolej Komuniti terpilih. Seterusnya, analisis min dan korelasi telah digunakan dalam kajian ini. Dapatan menunjukkan persepsi positif pelajar terhadap keberkesanan penggunaan inovasi D.O.M dengan skor min 4.76, selain daripada nilai hubungan signifikan antara kefahaman dan keberkesanan yang menjelaskan keberkesanan inovasi ini dalam meningkatkan kefahaman pelajar tentang topik pembubaran perkahwinan dalam Modul Pendidikan Islam 2.

Kata Kunci: Inovasi; Kefahaman; Pendidikan Islam; Sijil; Kolej Komuniti.

ABSTRACT

Islamic Education Module 2 (MPU 1331) is a compulsory subject for Malaysian Community College students. The content of this module focuses on the aspects of Munakahat in Islam, from the initial affairs of marriage until the dissolution of marriage. This topic of dissolution of marriage shows different levels of understanding among students. The numerous number of specific facts contained in the discussion of this section has resulted in the lack of understanding among student. The impact can be seen in the low percentage of course learning outcomes (CLO) of this topic as well as showing the weaknesses of students on understanding the topic. Thus, the main purpose of this study is to see the effectiveness of innovation D.O.M (Dissolution Of Marriage) SMART CYCLE which is specifically designed as an alternative teaching aid in helping to improve understanding of Islamic Education module 2. Using quantitative approach, through the distribution of questionnaires to 75 students taking Education module Islam 2 in selected Community Colleges. Next, mean and correlation analysis was used in this study. Findings show a positive perception of students on the effectiveness of the use of D.O.M innovation with a mean score of 4.76, apart from the value of the significant relationship between understanding and effectiveness that explains the effectiveness of this innovation in improving students' understanding of the topic of dissolution of marriage in Islamic Education Module 2.

Key words: Innovation; Understanding; Islamic Education; Certificate; Community College.

1. PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan salah satu syarat kepada kemajuan sesebuah negara. Peranan pendidikan dalam penyebaran ilmu pengetahuan mampu membangunkan kehidupan manusia dengan baik. Namun, perlunya kesepaduan antara ilmu duniawi dan ukhrawi dalam menjamin kualiti kemajuan masyarakat dan negara yang unggul. Demikian itu pentingnya pengajaran Pendidikan Islam di institusi pendidikan, bermula daripada peringkat rendah, menengah hingga ke Institusi Pengajian Tinggi.

Penghayatan yang baik dalam pembelajaran, khususnya Pendidikan Islam bermula daripada sistem pengajaran yang berkesan. Hal ini menuntut kepada suatu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lancar dengan persediaan rapi yang dilakukan pengajar sebelum bermulanya sesi pembelajaran.

Selain itu juga, penguasaan pengetahuan terhadap kandungan subjek pengajaran perlu dikuasai oleh pengajar di samping penggunaan alat bantu mengajar yang mampu menarik minat pelajar terhadap pembelajaran Pendidikan Islam.

Asasnya, kebiasaan terhadap pengamalan konsep pengajaran sehala dan tradisional khususnya dalam modul Pendidikan Islam perlu kepada anjakan baru yang lebih koperatif. Pendekatan pembelajaran koperatif lebih berpusatkan pelajar dan dapat membantu membangkitkan kecenderungan mereka dalam fasa pencarian maklumat dan pengetahuan.

Sekiranya elemen ini dipenuhi, ianya mampu membina persekitaran pembelajaran yang efektif.

Perkara ini sebagai suatu solusi dan inisiatif bagi mengelakkan kelompangan dan kelangkaan dalam proses pembelajaran Pendidikan Islam. Ini dapat dilihat melalui polemik yang biasa terjadi dalam kalangan guru Pendidikan Islam, apabila berhadapan dengan situasi permasalahan berkisar pengkaedahan para guru yang tidak kreatif, kekurangan aspek kemahiran mengajar, berpusatkan penerangan sehala, dan juga fokus kepada *'text book centered'* (Bahagian Pendidikan Islam 1993). Ini juga selari dengan dapatan kajian usahasama antara Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) dengan Universiti Putra Malaysia (1994) yang melihat bahawa isu kekurangan bahan bantu mengajar yang baik telah memberi kesan dalam proses PdP yang dilaksanakan.

Maka, dalam usaha penambahbaikan proses PdP yang lebih efektif, perlunya pendekatan yang sesuai khususnya melibatkan keupayaan inovatif pengajar dalam pelaksanaan PdP. Mengoptimumkan penggunaan bahan bantu mengajar adalah bentuk pengayaan inovasi yang sesuai. Usaha ini sebagai salah satu cara membina persekitaran pembelajaran sistematik bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesebuah modul khususnya Pendidikan Islam. Ini bertepatan dengan Ahmad Zanzali & Daud (2010) yang mana kepelbagaian bentuk bahan bantu mengajar boleh meningkatkan kefahaman dan pencapaian pelajar terhadap topik yang dipelajari itu.

Hal ini juga seperti yang dinyatakan oleh Jantan (2016), keperluan kepada pengurusan PdP yang dinamis dan sistematik mampu mengembangkan pembudayaan pengetahuan baru, seterusnya membangunkan potensi masyarakat. Demikian itu, mengutamakan kaedah pembelajaran yang interaktif selain dari penyampaian konservatif adalah ruang yang boleh diperbaiki dalam menjayakan sesuatu PdP. (Hassan, 2004).

Justeru, pembudayaan inovasi dalam pendidikan masa kini adalah suatu yang amat dituntut dalam kalangan pendidik. Usaha ini dilihat sebagai suatu pendekatan yang menekankan aspek pembaharuan kreatif atau terkini di mana kaedah atau cara yang digunakan oleh pendidik untuk mencapai objektif pembelajaran.

Bahkan, keupayaan pengajar untuk membudayakan inovasi dalam proses PdP boleh menyuntik semangat dan minat pelajar terhadap sesebuah modul pembelajaran. Jika pendekatan ini diaplikasikan dengan baik dalam proses PdP, ianya mampu meningkatkan pencapaian yang positif dalam hasil pencapaian pembelajaran.

Penambahbaikan seperti ini dilaksanakan dalam proses PdP bagi modul Pendidikan Islam 2, Sijil Kolej Komuniti dengan rekaan inovasi *D.O.M (Dissolution Of Marriage) SMART CYCLE*. Inovasi ini dihasilkan sebagai usaha mempelbagaikan bahan bantu mengajar yang lebih interaktif dan berkesan. Pendekatan ini bagi memastikan saluran kefahaman yang mudah dan menarik di dalam proses pembelajaran

modul Pendidikan Islam 2, bagi mendapatkan informasi lengkap berkaitan perihal pembubaran perkahwinan.

Inovasi ini menyetengahkan pencarian maklumat yang berstruktur dan berfokus berkaitan perihal pembubaran perkahwinan. Bermula dari fasa awal pembubaran perkahwinan dengan penerangan secara konseptual bagi lima jenis utama pembubaran perkahwinan dalam Islam iaitu talak, takliq, fasakh, khulu' dan li'an. Kronologi seterusnya menjelaskan tempoh iddah yang harus dilalui isteri bagi setiap jenis perceraian tersebut, proses rujuk, prosedur perundangan semasa dan juga hak yang akan diperolehi wanita bagi setiap kategori pembubaran perkahwinan yang dilalui.

Penggunaan inovasi ini berupaya memberi kefahaman yang jelas kepada pelajar tentang fakta asas yang terkait dengan pembubaran perkahwinan dan isu berbangkit selepas pembubaran perkahwinan tersebut. Kesepaduan informasi lengkap ini membolehkan pelajar untuk mendapatkan maklumat dan fakta berkaitan pembubaran perkahwinan dengan sangat cepat dan tepat.

Demikian itu, artikel ini menilai secara statistik bagi melihat sejauh mana penggunaan inovasi *D.O.M (Dissolution Of Marriage) SMART CYCLE* mampu meningkatkan kefahaman kalangan pelajar terhadap Modul Pendidikan Islam 2 Sijil Kolej Komuniti. Kajian ini menggariskan dapatan jangkaan melalui hipotesis alternatif (H_a) mahupun null (H_0) iaitu samada terdapat atau tidak terdapat sebarang hubungan signifikan antara penggunaan inovasi *D.O.M (Dissolution Of Marriage) SMART*

CYCLE dengan peningkatan kefahaman modul Pendidikan Islam 2, Sijil Kolej Komuniti.

2. PERNYATAAN MASALAH

Penubuhan Kolej Komuniti selepas dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet pada 5 Julai 2000. Bermula dengan pengoperasian 12 buah Kolej komuniti rintis pada tahun 2001 mula beroperasi dengan 12 buah kolej perintis pada tahun 2001 (JPPKK, 2018). Data terkini menunjukkan Kolej Komuniti di seluruh negara sudah mencecah sehingga 104 buah Kolej Komuniti (<https://www.mypolycc.edu.my/>, 2021). Asas kepada penubuhan Kolej Komuniti bertujuan untuk memberi laluan alternatif kepada para lepasan menengah meningkatkan lagi aspek kemahiran dan teknikal mengikut bidang yang mereka minati. Penubuhan Kolej Komuniti juga telah menjadi penyumbang terbesar kepada bakat Technical and Vocational Education Training (TVET) negara. Dengan kehadiran lulusan institusi tersebut juga telah menyokong peningkatan produktiviti melalui pelbagai program TVET yang berkualiti. Secara tidak langsung, di samping menjadi pilihan dalam para pelajar memperkembang dan memperkukuh kan bakat kemahiran yang ada melalui penawaran sijil sepenuh masa, institusi ini juga mampu meningkatkan tahap sosio-ekonomi komuniti setempat melalui penganjuran kursus jangka pendek ‘upskilling’ dan ‘reskilling’ dengan kadar berpatutan. Bukan itu sahaja, pada tahun 2014 institusi ini telah memperluaskan langkah dengan melaksanakan program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di Kolej Komuniti. (JPPKK, 2018).

Dalam konteks pembelajaran di peringkat pengajian sepenuh masa Sijil Kolej Komuniti (SKK) pula, terdapat dua modul utama Pendidikan Islam yang wajib diambil dalam kalangan pelajar pada semester pengajian yang berbeza. Kedua-dua modul tersebut mengetengahkan skop perbincangan yang berbeza, yang mana Pendidikan Islam 1 lebih tertumpu kepada asas fundamental Islam meliputi tasawwur Islam, akidah, ibadah dan akhlak Islamiyyah. Manakala, Pendidikan Islam 2 pula memfokuskan perbincangannya dalam aspek munakahat, meliputi pernikahan, perceraian dan hal-hal berbangkit selepas perceraian.

Modul Pendidikan Islam 2 memberikan suatu sisi pembelajaran yang agak asing dalam kalangan para pelajar Kolej Komuniti. Hal ini kerana faktor pelajar yang terdiri daripada pelajar kemahiran, dan kebanyakan pelajar ini datangnya dari kelas aliran perdana biasa, bukan dari kalangan pelajar aliran agama. Maka, kesemua fakta khusus yang berkait dengan elemen perceraian dalam modul ini bukanlah sisi pembelajaran yang sinonim dengan para pelajar. Berbekalkan bahan pengajaran manual sedia ada seperti *slaid powerpoint*, ianya tidak mampu menarik minat pelajar sepenuhnya dan para pelajar kurang galakan terhadap sesi pembelajaran aktif dan koperatif. Kesan situasi ini, telah menjejaskan pencapaian sasaran peratusan 80 peratus yang sepatutnya dicapai dalam analisa hasil pembelajaran kursus (Course Learning Outcome) CLO 2 dan 3 bagi modul ini bagi setiap semester.

3. SOROTAN KAJIAN

Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran

Secara umum, inovasi lebih berkisar tentang mengetengahkan suatu idea, amalan atau objek yang baru dalam suatu persekitaran samada oleh individu mahupun unit tertentu (Rogers, 1995 ; Daugherty et.al, 2011 ; Lin, 2006 ; Grawe, 2009). Walaubagaimanapun, bagi Spencer (1993) berpendapat bahawa asas dalam inovasi memerlukan penghasilan terhadap sesuatu yang lebih baik daripada asal. Skop inovasi pula tidak terikat kepada teknologi semata-mata (Yahya & Lailinanita, 2012) tetapi boleh meliputi apa jua kaedah, sistem, alat dan lain-lain yang baharu. Manakala, inovasi dalam konteks pendidikan pula lebih menjurus kepada pendekatan baharu dan kreatif bagi menangani masalah yang berlaku dalam proses pendidikan (Zakaria, 2014). Inovasi PdP perlu diberi penekanan supaya metodologi pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan (Norullisza Khosim et.al, 2018). Ini kerana, proses pembelajaran yang efektif akan lebih mudah diingati jika dilaksanakan mengikut kesesuaian kehendak pelajar (Elliot, 2000).

Justeru, pengajar harus kreatif dalam mengetengahkan kaedah yang pelbagai bagi menimbulkan minat pelajar dalam usaha membantu pelajar mencapai objektif sesebuah kursus itu (Qasem, 1998). Selain itu juga, pengajar perlu didedahkan dengan bentuk PdP yang terkini agar ianya menjadi suatu daya tarikan kepada pelajar selain mampu memudahkan semua pihak. Bukan itu sahaja penglibatan pengajar dalam melaksanakan inovasi PdP sangat penting untuk meransang kepada kaedah pengajaran

yang lebih moden berbanding hanya bergantung kepada kaedah konservatif dan tradisional.

Tidak dinafikan, kekurangan pengetahuan untuk merintis inovasi adalah antara isu yang menjadi kekangan berinovasi (Nurul Asiah Fasehah, 2015). Hal ini akan membawa kepada kekangan seterusnya yang akan membawa kepada kegagalan mengenal pasti masalah, mencari hubungkait antara maklumat yang tidak berkaitan (Noor Hisham, 2014) dan kurang pendedahan tentang teknik pengajaran terkini (Nurul Asiah Fasehah, 2015).

Demikian itu, perlunya motivasi yang tinggi dalam kalangan pengajar untuk melaksanakan inovasi dalam PdP. Ini kerana mereka adalah sumber yang sangat penting bagi membangunkan sesuatu pendidikan (Amanina 2018). Pengajar juga harus menyatupadukan konsep pengajaran yang boleh mengadaptasi pelbagai faktor seperti persekitaran kondusif, aspek pengetahuan bagi menarik minat pelajar terhadap pembelajaran pada masa itu. (Saroyan & Snell, 1997). Sekiranya pendekatan inovasi sentiasa diterapkan dalam pendidikan, ianya mampu menyumbang kepada perubahan suasana pembelajaran yang lebih bertepatan dengan keperluan semasa dan memberi kesan yang lebih baik dalam proses pembelajaran.

Banyak kajian lepas yang menetengahkan penggunaan elemen inovasi dalam PdP. Ini dapat dilihat melalui kajian Hanim (2018), Yahya &

Lailinanita (2012), Norullisza et.al (2018) dan Maimun & Ismail (2007) yang rata-rata mereka menerapkan elemen inovasi dalam proses PdP mereka sebagai memudahcara sesi pembelajaran sedia ada. Bagi kajian Norullisza et.al (2018) dan Maimun & Ismail (2007), kedua-dua mereka memfokuskan elemen inovasi dalam modul pembelajaran Pendidikan Islam yang mana bagi subjek al-Quran dan Tafsir. Inisiatif ini dilaksanakan oleh pengkaji ini untuk mengintegrasikan pembelajaran sedia ada dengan pendekatan yang lebih mudah menyerlahkan modul pembelajaran tafsir (Norullisza, 2018). Manakala bagi kajian yang lain, keberkesanan elemen inovasi dalam PdP ini sebenarnya berperanan penting dalam meningkatkan lagi interaktiviti dan motivasi pelajar terhadap proses pembelajaran (Hanim, 2018).

Bahan Bantu Pengajaran Dalam Pendidikan Islam

Tidak jauh beza dengan inovasi PdP, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) sebenarnya banyak memberi kesan positif terhadap peningkatan akademik pelajar mahupun kaedah pengajaran pensyarah atau guru (Faez Ilias et.al, 2016). Terutamanya bagi modul Pendidikan Islam, pengajar perlu berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran Pendidikan Islam dalam kelas sebagai satu langkah persiapan pelajar ke arah menghadapi cabaran abad ke-21 (Asmawati et.al, 2015).

Keperluan penyampaian dan pengajaran berkaitan Pendidikan Islam dalam kalangan para pensyarah juga perlu distrukturkan dengan pelbagai

pendekatan semasa yang bersesuaian selain daripada kepelbagaian BBM agar ianya dapat menarik minat pelajar dalam memahami Pendidikan Islam. Syaibani (1997) dalam menyatakan prinsip beliau terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam antaranya ialah dengan memastikan motivasi, keperluan dan minat pelajar, integrasi pengalaman, pembaharuan dan kebebasan berfikir di samping menjadikan proses pendidikan itu sebagai suatu pengalaman yang menggembirakan bagi pelajar. Ini bermakna, proses PdP itu mestilah diterapkan dengan pelbagai pendekatan serta teknik-teknik yang sesuai dengan perkembangan pelajar. Pendekatan ini bagi merangsang pelajar untuk belajar dalam suasana yang aktif. Jika dilaksanakan dengan kaedah yang betul, ianya mampu membangkitkan motivasi pelajar untuk berusaha berusaha dengan lebih gigih dan tekun. Secara tidak langsung ianya mampu mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan melahirkan pelajar yang seimbang dari aspek intelek, jasmani, rohani dan emosi (Zawawi, 1996).

Kajian sedia ada yang mengkaji hasil penggunaan BBM dalam proses pembelajaran menunjukkan impak yang baik seperti mana kajian Kamarul Azmi et.al (2011) dan Mohd Feez Illias et.al (2013). Kajian ini memperlihatkan peningkatan kefahaman dalam kalangan pelajar terhadap pembelajaran yang disampaikan apabila menggunakan BBM secara visual.

Sungguhpun demikian, penekanan terhadap penggunaan BBM ini perlu disesuaikan dengan persekitaran dan keadaan (Kamarul Azmi et.al, 2011). Keperluan dalam memenuhi ciri-ciri BBM seperti dapat memperjelaskan bahagian yang sukar difahami, mengetengahkan idea yang jelas dan memiliki sifat interaktiviti dari segi warna yang menarik, dan saiz yang berpadanan. Kesemua ini mampu memberikan pengalaman yang lebih menyeronokkan kepada pelajar.

Justeru, berdasarkan impak positif yang diketengahkan dalam kajian lepas jelas menunjukkan kesan langsung yang baik dalam sesebuah proses pembelajaran yang menerapkan elemen inovasi dalam PdP. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat kewujudan hubungan yang signifikan antara penggunaan inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE* dengan peningkatan kefahaman pelajar terhadap modul Pendidikan Islam 2.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, melalui kaedah tinjauan dengan edaran soal selidik yang dijalankan ke atas sampel kajian. Kajian tinjauan termasuk dalam kategori penyelidikan deskriptif yang perlu kepada pengumpulan data, membuat interpretasi, perbandingan dan merumuskan satu generalisasi terhadap sesuatu fenomena (Van Dalen, 1993). Populasi kajian terdiri daripada pelajar Sijil Kolej Komuniti (SKK) dari Kolej Komuniti Tawau dan Kolej Komuniti Segamat yang

mengambil modul Pendidikan Islam 2 bagi sesi Disember 2019 iaitu seramai 75 orang.

Merujuk kepada pendapat Mokhtar (2011) tiada konsep khusus dalam menentukan saiz sampel minimum dalam penyelidikan sosial, seperti mana Bailey (1994) menjelaskan saiz sampel yang sebenar bergantung pada keadaan populasi dan keperluan penyelidikan. Walaubagaimanapun, teknik persampelan ini masih mengambil kira penetapan jumlah sampel kajian Krejcie & Morgan (1970) bagi memastikan signifikan kajian.

Dapatan kajian pula diperolehi melalui edaran soal selidik yang dijana menggunakan platform 'google form', yang mana telah diadaptasi dan dimodifikasi dari kajian lepas Chien (2017), Mohd Rakime (t.t) dan Noraini (2013) . Terlebih dahulu dilaksanakan kajian rintis terhadap 30 orang pelajar yang pernah mengambil modul ini pada sesi pengajian Jun 2019, melalui pemilihan secara rawak dalam menentukan kebolehpercayaannya. Hasil analisis nilai pekali Cronbach Alpha adalah 0.8 dan ianya selari dengan petunjuk interpretasi skor Alpha Cronbach oleh Bond & Fox (2015).

Jadual 1 : Interpretasi Nilai Skor *Alpha Cronbach*

Skor Alpha Cronbach	Interpretasi Kebolehpercayaan
0.9 – 1.0	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
0.7-0.8	Baik dan boleh diterima
0.6-0.7	Boleh diterima

< 0.6	Item perlu dibaiki
< 0.5	Item perlu digugurkan

Seterusnya data kajian ini telah dianalisis secara deskriptif, menggunakan min dan sisihan piawai, serta pendekatan inferensi menggunakan ujian korelasi. Statistik deskriptif iaitu skor min digunakan untuk menjelaskan persepsi pelajar terhadap PdP Modul Pendidikan Islam 2 serta sesi PdP dengan pengaplikasian inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE*. Interpretasi skor min Nunnally dan Bernstein (1994) digunakan dengan interpretasi seperti mana Jadual 2.

Jadual 2 : Skor min (Nunally & Bernstein, 1994)

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Bagi huraian secara statistik inferensi, setelah mana data bertaburan normal dengan nilai $p = 0.32$, maka ujian korelasi Pearson telah digunakan bagi menguji hubungan di antara pembolehubah tidak bersandar (keberkesanan inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE*) terhadap pembolehubah bersandar (peningkatan kefahaman). Ujian ini menjawab objektif untuk melihat samada wujud hubungan yang signifikan antara penggunaan inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE* dengan peningkatan kefahaman pelajar terhadap modul Pendidikan Islam 2. Kekuatan perhubungan diantara pemboleh ubah diterjemahkan berpandukan

tafsiran skala kekuatan yang dicadangkan oleh Davies (1971) seperti di dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Jadual tafsiran skala kekuatan korelasi Davies (1971)

Nilai Pekali	Tafsiran
0.7 – 1.00	Amat Tinggi
0.5 – 0.69	Tinggi
0.3 – 0.49	Sederhana Tinggi
1.0 – 0.29	Rendah
0.01 – 0.09	Diabaikan

5. ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Profil Demografi

Jadual 4 : Demografi Responden

Maklumat Demografi	Kategori	Frekuensi N = 75	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	52	69.3
	Perempuan	23	30.7
Institusi	Kolej Komuniti Segamat	38	50.7
	Kolej Komuniti Tawau	37	49.3
Program	Sijil Komputer & Rangkaian	7	9.3
	Sijil Teknologi Elektrik	46	61.3
	Sijil Animasi 2D	4	5.3
	Sijil Penyenggaraan Bangunan	2	2.7
	Sijil Kulineri	14	18.7
	Sijil Teknologi Pembuatan	2	2.7

Jadual 4 menunjukkan profil demografi responden kajian yang mana hampir 70 peratus responden adalah dari kalangan pelajar lelaki. Ini kerana aliran dalam Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional

(TVET) khususnya di Kolej Komuniti majoritinya diceburi oleh kaum lelaki. Bagi kedua-dua institusi iaitu Kolej Komuniti Tawau dan Segamat, memperlihatkan keseimbangan dalam bilangan pelajar yang mengambil bahagian dalam kajian ini, dengan peratusan 61.3 % bagi mereka yang mengikuti Sijil Teknologi Elektrik. Selain itu, bagi Sijil Kulineri seramai 18.7 %, diikuti Sijil Komputer & Rangkaian sebanyak 9.3%, Sijil Animasi 2D 5.3 % dan Sijil Penyelenggaraan Bangunan sebanyak 2.7%.

Keputusan Ujian Deskriptif

Dapatan secara deskriptif bagi objektif pertama dan kedua untuk melihat kepada persepsi awal pelajar terhadap pembelajaran modul Pendidikan Islam 2 dan juga tahap penguasaan pelajar apabila menggunakan inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE* sebagai bahan bantu pengajaran. Hasilnya dapat dirumuskan dalam Jadual 5.

Jadual 5 : Rumusan Deskriptif

Bahagian Soalan	Jenis	Skor Min	Sisihan Piawai	Tafsiran Min
A	Persepsi awal pelajar terhadap pembelajaran modul Pendidikan Islam 2	4.19	0.46	Tinggi
B	Tahap penguasaan pelajar terhadap pembelajaran modul Pendidikan Islam 2 dengan penggunaan inovasi D.O.M Smart Cycle	4.76	0.45	Tinggi
Nilai Purata Keseluruhan		4.47	0.19	Tinggi

Keseluruhannya, dapatan memperlihatkan nilai skor min yang tinggi antara kedua-dua aspek dapatan. Tafsiran min yang tinggi dengan skor min 4.19 menunjukkan kesukaran dialami pelajar dalam memahami dan menguasai topik perbincangan dalam modul Pendidikan Islam 2. Ini kerana modul ini merupakan modul perbincangan yang lebih mendalam berbanding modul asas Pendidikan Islam 1. Walaubagaimanapun, pendekatan menggunakan inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE* telah menyumbang impak positif dalam penguasaan mereka terhadap topik perbincangan modul tersebut kerana rata-rata memberikan rasa positif mereka dalam kefahaman pembelajaran modul Pendidikan Islam 2. Ini dapat dilihat pada tafsiran tinggi bagi nilai skor min 4.76, yang menunjukkan pendekatan inovasi pengajaran mampu memberikan kesan yang memberangsangkan untuk proses pembelajaran seperti mana dapatan Norullisza et.al (2018), Maimun & Ismail (1997) dan (Hanim, 2018).

Keputusan Ujian Korelasi : Hubungan Penggunaan Inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE* dengan peningkatan Kefahaman Modul Pendidikan Islam 2

Hasil dapatan ujian korelasi seperti di jadual 6 mendapati wujudnya hubungan yang signifikan apabila nilai $r = 0.529$ dengan nilai $p < 0.001$ sekaligus menerima hipotesis H_a yang telah dibina dan menolak hipotesis H_0 . Nilai ini menunjukkan suatu tafsiran hubungan yang tinggi berpandukan skala kekuatan korelasi Davies (1971). Secara langsung memperlihatkan penggunaan inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE* memberi kesan dalam peningkatan kefahaman pelajar

terhadap modul Pendidikan Islam 2, yang mana ianya menjurus kepada perbincangan berat dalam aspek pernikahan dan pembubaran perkahwinan. Ini membuktikan bahawa keberkesanan suatu bentuk bahan bantu mengajar yang lebih interaktif dan menarik boleh menyumbang kepada tahap penguasaan mereka terhadap sesuatu modul pembelajaran seperti mana kajian lalu Kamarul Azmi et.al (2011) dan Mohd Feez Illias et.al (2013).

Jadual 6 : Jadual Analisis Korelasi Pearson

		KEBERKESANAN	KEFAHAMAN
KEBERKESANAN	Pearson Correlation	1	.529**
	Sig. (2-tailed)		.000
	N	75	75
KEFAHAMAN	Pearson Correlation	.529**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	75	75

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).*

6. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, inovasi dalam proses PdP sangat penting atas faktor berhadapan dengan kepelbagaian latar belakang pelajar berbeza seperti minat, kepintaran dan kemahiran terhadap sesuatu modul pelajaran. Maka hasil dapatan ini menekankan bagaimana sesebuah inovasi dalam PdP boleh membantu para pelajar untuk memahami dengan lebih baik berkaitan suatu modul tertentu. Dalam konteks kajian ini, inovasi *D.O.M (Dissolution Of Marriage) SMART CYCLE* telah berperanan sebagai suatu bentuk bahan rujukan sampingan yang lebih mudah dan kreatif dalam usaha meningkatkan kefahaman para pelajar terhadap modul Pendidikan Islam 2. Usaha ini dilihat sebagai alternatif

pensyarah memudahkan pelajar mendapatkan informasi yang lebih terperinci dan komprehensif tentang aspek munakahat khususnya berkaitan perihal pembubaran perkahwinan. Berdasarkan dapatan semasa yang memberikan hasil positif dalam hubungan keberkesanan inovasi dan juga peningkatan kefahaman pelajar terhadap modul Pendidikan Islam 2 juga boleh dijadikan suatu indikator penerimaan baik pelajar terhadap inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE* dalam sesi pembelajaran. Di samping itu juga, pendekatan baru yang diketengahkan ini, melalui penggunaan inovasi *D.O.M (Dissolution of Marriage) SMART CYCLE* telah menyumbang kepada sesi pembelajaran koperatif kalangan pelajar melalui penglibatan secara langsung pelajar di dalam kelas. Kesan positif ini juga tidak sekadar berakhir dalam sesi pembelajaran, malahan diekspresikan melalui petunjuk keputusan peperiksaan yang memberangsangkan.

7. RUJUKAN

- Abd Hamid, Mohd Azhar. (2001). *Pengenalan Pemikiran Kritis & Kreatif*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Syaibani, (1997). *Falsafah Pendidikan Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Amanina Muhamad Sanus et. Al (2018) Tinjauan Penglibatan Pensyarah Politeknik Dalam Melaksanakan Latihan Inovasi Bagi Meningkatkan Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2.
- Asmawati Suhid et.al. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InjET)* 1(2) November: 6.

- Bailey, D. K., *Methods of Social Research*, 4th ed. (USA: The Free Press, 1994).
- Bond, T. G. & Fox, C. M. 2015. Applying the Rasch Model Fundamental Measurement in the Human Sciences. Routledge,. doi:10.1207/S15327574IJT013&4_10.
- Chien, C.S. (2017) Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Yang Mengintegrasikan Geogebra Bagi Topik Bulatan III. Tesis Sarjana Muda. Ipoh : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Davies, J. A. (1971). *Elementary survey analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Grawe, S.J. (2009). Logistics Innovation : A Literature based Conceptual Framework. *The International Journal Of Logistics Management*. 5(1). 270.
- Hanim Binti Abdul Halim, Kolej komuniti Ledang (2018). Aplikasi Inovasi EZ Interactive Learning of National Income (EZNI) sebagai ABM Bagi Modul Prinsip Ekonomi Pelajar di Kolej Komuniti Ledang Johor. National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iComEx'18).
- Ilias, M. F., Ismail, M. F. & Jasmi, K. A. (2013). Faktor Dorongan Dan Halangan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Oleh Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Bestari. Dalam 3rd. International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED2013). EPF Institute, Malaysia. 943-953.
- Ilias, Mohd & Husain, Kalthom & Mohd Noh, Mohd Amin & Nurzuliana Rashed, Zetty & Abdullah, Murihah. (2016). Sumber Bahan Bantu Mengajar dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. *e_Academia Journal UITMT*. 5. 106-114.
- Jantan, N. (2016). Penerapan Budaya Kreatif Dan Inovatif Di Kalangan Pelajar Politeknik Merlimau Melalui Perkaya Inovasi. Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Politeknik Merlimau.

- Jasmi, K. A., Ilias, M. F., Tamuri, A. H. & Mohd Hamzah, M. I. (2011). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kalangan guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. Vol 3(1). 59-74.
- Laman Sesawang Rasmi Jabatan Pendidikan Politeknik Kolej Komuniti, dicapai pada 4 Januari 2021 <https://www.mypolycc.edu.my/>.
- Laman Sesawang Rasmi Jabatan Pendidikan Politeknik Kolej Komuniti, dicapai pada 4 Januari 2021 <http://www.mypolycc.edu.my/index.php/muat-turun/penerbitan/send/2-penerbitan/5-psjppkk>
- Lin, C. (2006). A Study on The Organizational Innovations in Taiwan's Logistic Industry. *The Bussiness Review*. Cambridge. 5 (1), 270.
- Maimun Aqsha Lubis & Ismail Suardi Wekke. (2007). Inovasi Teknik Pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an dalam bilik Kuliah. *.1st International Malaysian Educational Technology Convention*, hlm: 1072-1080.
- Md Nawi, Noor Hisham. (2014). *Sinergi Pemikiran Islam Kritis Kreatif*. Kelantan: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohamad Rofian, Awatif, Md Noor Hussin, Abdul Razif, Hairun Najuwah, Ku Fataniyah, dan Nor Syaidah. Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran Bahasa Arab oleh Pensyarah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. *Prosiding International Conference on Islamic Education 2013 (ICIED 2013)*. 6-7 April 2013. EPF Institute, Kajang, Selangor: PIMM. 2013. 911-916.
- Mohd Rakime Shaffai, Amiruddin Mohd Salim & Saiful Bakhtiar bin Masduki. (t.t). *Penghasilan Inovasi Mobile Learning Dalam P&P Bagi Kursus DPB3013 Principle Of Management*. Dicapai <https://docplayer.info/151945824-Penghasilan-inovasi-mobile-learning-dalam-p-p-bagi-kursus-dpb3013-principle-of-management-mohd-rakime-bin-shaffai.html>.

- Muhammad, Nurul Asiah Fasehah. (2015). Pengaruh Tahap Kepercayaan Epistemologi Islam Dan Tahap Konsep Kendiri Terhadap Tahap Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam. Disertasi Sarjana Muda. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noh, Noraini & Mustafa, Hani & Hamzah, Mahizer & Ismail, Mohd & Abdullah, Norazilawati. (2013). Penggunaan Inovasi Teknologi Dalam Pengajaran : Cabaran Guru Dalam E-Pembelajaran.
- Norullisza Khosim et.al (2018) Lima Bentuk Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Tafsir Maudu'i Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim. Journal of Fatwa Management and Research Disember: 646.
- Nunally, J., & Bernstein, I. (1994). Psychometric theory. Edisi ke-3. New York: McGraw Hill.
- Rogers, E.M. (1995). Diffusion of Innovation. New York.
- Saroyan, A dan Snell, L.D. (1997). Professional development by Distance Education: does distance lend enhancement?. Cambridge Journal of Education. Vol. 28: No.2. University of Cambridge, School of Education
- Spancer, L.M. and Spencer, S.M. (1993). Competence at Work. New York: John Wiley & Sons.
- Yahya Buntat & Lailanita Ahmad. (2012). *Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru-guru teknikal di sekolah menengah teknik dari perspektif guru. Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*. Vol 6. 44-58.
- Zakaria Omar. 2014. Pendekatan Konstruktif Dalam Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Di Kolej Vokasional. Tesis Sarjana. Batu Pahat : Universiti Teknikal Tun HUSSien Onn Malaysia. 2
- Zawawi Ahmad, (1996). *Sains dalam Pendidikan Islam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.